

KHUTBAH JUMAAT

“TANGGUNGJAWAB MEMAKMURKAN BUMI ALLAH SWT”

(07 Disember 2018M/ 29 Rabiul Awwal 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّيِّدِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرِجُ نَبَاتَهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا يَخْرِجُ إِلَّا نَكِدًا كَذَلِكَ
نُصِرَفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Semoga kita memperolehi kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah pada hari ini ialah “**Tanggungjawab Memakmurkan Bumi Allah subhanahu wata'ala**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Salah satu hikmah Allah *subhanahu wata'ala* menciptakan manusia adalah untuk memakmurkan bumi ini. Dalam pengertian Barat, makmur dan kemakmuran sering kali ditakrifkan sebagai kemajuan ekonomi, pembangunan fizikal dan pencapaian hidup manusia.

Bertitik tolak dari asas ini, hampir seluruh makna kemakmuran manusia berdasarkan pandangan barat disandarkan kepada pencapaian kebendaan semata-mata, sebagaimana ianya didukung oleh ideologi-ideologi moden hari ini, sama ada di sebelah kanan (kapitalis), kiri (sosialis) mahupun campuran.

Namun, Islam datang kepada kita dengan prinsip yang sangat jelas. Allah *subhanahu wata'ala* melalui Surah Hud, ayat 61 menegaskan hikmah penciptaan manusia dengan firman-Nya yang berbunyi :

❁ وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ هُوَ أَنشَأَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوا لَهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴿٦١﴾

Maksudnya : *Dan kepada Thamud (Kami utuskan) saudara mereka Nabi Soleh, katanya “Wahai kaumku, hendaklah kamu mengabdikan diri dengan menyembah Allah subhanahu wata'ala, jangan kamu menyembah selainnya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu, mohonlah keampunan-Nya, kemudian bertaubatlah kepada-Nya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmat-Nya) lagi memperkenankan permintaan (doa) hamba-Nya.*

Berdasarkan kepada ayat tadi, Allah *subhanahu wata'ala* menegaskan bahawa memakmurkan bumi ini telah menjadi antara hikmah penciptaan manusia, di samping beberapa hikmah lain yang turut disebutkan oleh al-Quran, antaranya mengabdikan diri kepada Allah, menjadi khalifah, melaksanakan amanah dan

menerima *ibtilla'* (ujian). Persoalan besar yang ada di hadapan kita ialah apakah makna kemakmuran dalam konsep Islam sejajar dengan pengertian kemakmuran yang diungkapkan oleh Barat?

Para ulama yang membahaskan makna "*isti'mar*" atau memakmurkan dalam ayat ini menjelaskan bahawa maknanya ialah perintah supaya manusia melaksana dan menegakkan segala tanggungjawab yang diamanahkan ke atas diri mereka, bukan semata-mata mencipta kemajuan material dan memacu pertumbuhan ekonomi sahaja. Tanggungjawab adalah aspek yang jauh lebih luas daripada makna kemajuan, kerana kemajuan dalam sudut pandang Barat sangat mengabaikan tanggungjawab, sebaliknya hanya memuja hak-hak mereka sahaja.

Tiga (3) tanggungjawab besar yang digariskan oleh para ulama dalam mengungkap makna memakmurkan ini ialah tanggungjawab *diini* (agama), *ijtimaie* (kemasyarakatan) dan *insani* (kemanusiaan). Islam meletakkan urusan Allah *subhanahu wata'ala* iaitu agama sebagai tanggungjawab yang paling besar yang mesti ditunaikan oleh manusia. Menegakkan apa sahaja perintah Allah *subhanahu wata'ala* atau disebut sebagai syariat merupakan beban tugas yang menjadi hak Allah *subhanahu wata'ala* ke atas setiap manusia. Kita tidak boleh mengambil mudah terhadap perintah dan larangan agama. Segala perintah dan tegahan Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulnya *sallallahu alahi wasallam* dalam semua aspek kehidupan kita termasuklah dalam urusan mengimarahkan dan memakmurkan alam hendaklah ditaati dengan penuh ikhlas, semata-mata untuk mendapat keredhaanNya.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, alam sekitar atau persekitaran bermaksud faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Ia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi dan juga faktor-faktor sosial. Alam sekitar juga boleh didefinisikan sebagai ekosfera yang mengandungi ekosistem-ekosistem yang saling berinteraksi. Alam sekitar merupakan salah satu elemen penting yang perlu diperbincangkan kerana sumbernya berkait rapat dengan kehidupan manusia dan semua makhluk ciptaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Oleh kerana itu, menjadi tanggungjawab kita sebagai manusia untuk melestarikan alam semesta dan lingkungan hidup dengan sebaik-baiknya, mengelakkan daripada berlakunya pencemaran, agar kehidupan kita di dunia menjadi makmur sejahtera, penuh dengan keberkatan dan menjadi bekalan di hari akhirat. Islam mempunyai prinsip jelas dalam pemeliharaan dan kelestarian alam ini. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman melalui ayat 190-191, surah Ali Imran :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ



الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ



Maksudnya : *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal; iaitu orang yang menyebut dan mengingati semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka."*

Kaum muslimin yang berbahagia,

Al-Quran menegaskan bahawa bumi yang diciptakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* ini antaranya hikmahnya ialah untuk manusia mencari dan mendapatkan rezekinya. Bahkan, berusaha mencari rezeki yang halal lagi baik itu amat dituntut sebagai satu kewajipan di dalam Islam. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman di dalam surah al-Mulk, ayat 1-5 yang maksudnya :

"Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya)."

Berkaitan dengan hal ini, Islam menganjurkan umatnya agar memanfaatkan apa yang ada di bumi ini untuk menjadi sumber rezeki baginya termasuklah mengusahakan tanah yang terbiar atau *ihya' al-mawat*. Al-Mawat merujuk kepada tanah yang tidak

produktif, tidak dimiliki dan tidak ada sesiapa yang memanfaatkannya. Galakkan agar berusaha memaju dan menerokai tanah terbiar untuk dimakmurkan dengan pertanian terdapat dalam sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud :

((Sesiapa yang mengusahakan tanah, maka tanah tersebut akan menjadi miliknya)).

Berdasarkan kepada hadis tadi, betapa Islam menghargai umatnya yang rajin berusaha termasuklah memanfaatkan tanah yang terbiar dengan sebaik-baiknya sehingga mereka layak untuk diberikan pemilikan terhadap tanah yang diusahakan itu. Dalam konteks kita di Sarawak, pemilikan terhadap tanah adalah berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di negeri ini yang telah diamanahkan kepada agensi-agensi pelaksana, khususnya Jabatan Tanah Dan Survei.

Sebagai mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Ali Imran, ayat 110 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آَمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya : *Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh kepada yang ma'ruf, dan kamu mencegah dari yang munkar, dan kamu beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, sudah tentu itu lebih baik bagi mereka, antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya

kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di- Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ
ذِي الْقُرْبَىٰ، وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ.
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
اقِيمُوا الصَّلَاةَ.